

# Hati hancur kekasih autista

Berita buah hati sudah bertunang hanya diketahui melalui laman facebook

## Soalan

**S**AYA ada kekasih dan sudah bersama selama dua tahun. Perkenalan kami hanya melalui facebook dan tidak pernah bersua, hanya melalui gambar saja.

Saya pernah beritahu keluarga mengenai hubungan kami dan menerimanya. Saya sayangkannya, tetapi akhirnya dapat tahu dia sudah bertunang.

Berita itu saya peroleh apabila membuka facebook adiknya.

Saya bertanya kekasih dan dia mengakui. Hati saya hancur. Dia mengaku pertunangan itu bukan kelengkapan, tetapi pilihan keluarga dan tidak mampu melakukan apa-apa.

Saya bertanya sama ada dia masih sayangkan saya dan dia mengaku sayangkan saya

dan tunangnya. Dia tidak akan melepaskan saya ke tangan orang lain dan bercadang berjumpa ibu bapa saya hujung tahun ini.

Saya tidak mahu melukakan hati tunang dan hati saya sendiri. Apa harus saya buat?

**KECEWA**  
Kuala Lumpur

## Jawapan

**H**ARI ini facebook memang menjadi medan perkenalan, pertemuan dan ada yang hingga ke alam perkahwinan namun bagi adik keadaannya berbeza.

Perkenalan di alam maya ini membawa kepada perasaan kecewa kerana kekasih tidak jujur kerana tidak memberitahu dirinya sudah bertunang.

Sukar bagi seseorang untuk mencintai sejujurnya dua orang pada waktu yang sama. Walaupun, secara lahiriah kekasih mengakui mencintai adik dan tunang, tetapi perasaannya, adakah dia dapat memberi keadilan kepada perasaan cinta dan sayangnya kepada dua wanita yang wujud dalam hidupnya?

Sifat tidak jujur kekasih akan memakan diri adik. Apabila kekasih tidak mampu bercakap benar dalam perhubungan kalian pada waktu ini, ada kemungkinan besar dia menipu dalam perhubungan apabila sudah berkahwin.

Sesuatu yang perlu adik fikirkan ialah hubungan kekasih dengan tunangnya adalah satu ikatan sedangkan hubungan adik dengan

**Sukar bagi seseorang untuk mencintai sejujurnya dua orang pada waktu yang sama. Walaupun, secara lahiriah kekasih mengakui mencintai adik dan tunang, tetapi perasaannya, adakah dia dapat memberi keadilan kepada perasaan cinta dan sayangnya kepada dua wanita yang wujud dalam hidupnya?**

kekasih tidak diikat. Apatah lagi, perhubungan ini bersifat maya. Tidak pernah berjumpa.

Dari sudut kekuatan perhubungan, ternyata, tunang

kekasih mempunyai kelebihan untuk memiliki kekasih adik. Seterusnya, apakah jaminan kekasih adik akan menunaikan janjinya berjumpa dengan ibu bapa adik pada hujung tahun ini?

Selama ini dia tidak bersifat jujur dengan adik.

Adik boleh meneruskan percintaan dengan kekasih, tetapi risikonya besar. Ia membabitkan hubungan tiga segi dan bukan mudah dilakukan.

Adakah adik sanggup menanggung risiko bercinta dengan orang yang sudah diikat hatinya?

Jika adik merasakan ia lebih membebankan untuk terbabit dalam hubungan berliku ini, adik boleh mengambil keputusan mengundur diri.

Sekali lagi perasaan dan

hati adik akan hancur, tetapi ia perlu dilalui. Jika bukan sekarang, tetapi masa akan datang, kecuali jika kekasih memilih adik daripada tunangnya.

Setakat ini, kekasih adik masih tidak mampu meninggalkan tunangnya. Apa yang mampu dilakukan ialah berdolok-dalih dengan adik dengari memberi janji yang manis.

Percintaan membabitkan tiga pihak memang memeritkan. Kekuatan perlu ada bagi adik membuat sebarang keputusan. Apapun keputusan diambil, ia bukan mudah.

Namun, pilihlah jalan yang lebih membawa kebaikan sama ada pada masa sekarang atau akan datang. Hanya adik lebih tahu apa keputusan itu.

# Pekerja gundah majikan bersikap dingin

## Soalan

**S**AYA bekerja di sebuah syarikat swasta dan memegang jawatan kedua tertinggi dalam organisasi.

Dua tahun lalu selepas diterima bekerja, saya ditawarkan jawatan penyelia selepas dua bulan bekerja sebagai kerani.

Namun, sedar keupayaan diri, saya cuba menarik diri kerana berasakan tidak mampu menyandang tugas diberi. Tetapi, atas kepercayaan tinggi majikan, saya terus memegang jawatan ini hingga awal tahun lalu selepas majikan merasakan ada calon lain boleh menggantikan tempat saya.

Majikan amat cerewet. Kesilapan kecil adalah masalah besar baginya hingga akhirnya timbul beberapa sistem yang silih berganti bertujuan supaya tidak ada lagi kesilapan pada masa depan.

Apa yang membuatkan saya tertekan ialah sejak ditukarkan ke jawatan pembantu penyelia, majikan bersikap dingin. Jika dulu boleh duduk berbulat dan bergurau, kini tiada lagi.

Kami tidak bertegur sapa biarpun kerap berselisih, jika

duduk berbincang akan dipandang sinis.

Dulu setiap kerja saya dipuji, sekarang disindir, pantang silap, berpanjangan isu itu cadangan saya ditolak.

Saya jarang mengambil cuti memandangkan kampung tidak jauh. Setiap kali cuti umum, saya berkorban tenaga bekerja menggantikan rakan yang bercuti.

Bukan kerana tamak mengejar bayaran gaji tinggi, tetapi kesedaran meneruskan perniagaan.

Namun, sejak penolakan jawatan itu, majikan seperti sudah tidak ambil peduli. Pernah saya dipanggil awal pagi atas arahan meninjau keadaan premis.

Dalam keadaan terkejut-kejut dan sarat mengandung, saya mendaki tangga ke tingkat teratas flet untuk meminta kunci premis dari rakan sekerja.

Sesampai di premis, tiada apa yang berlaku, malah teruk dimarahi apabila datang bekerja pada hari itu.

Saya sedih dengan sikapnya dan pernah memutuskan

berhenti.

Namun, saya tidak berbuat demikian kerana kasihan dan sedar bukan mudah untuk mendapat pekerja pada masa ini.

Tahun ini suami akan bertugas ke luar negeri selama setahun dan kesempatan ini digunakan untuk mencari alasan pulang ke kampung dan berhenti bekerja. Tapi tidak ada kekuatan melakukannya selain pujukan rakan.

Bagaimana pendapat Dr, apa patut saya lakukan. Suami bukan bergaji besar dan saya bimbang kami akan menghadapi masalah kewangan.

Saya dalam dilema, perlukah saya berhenti kerja?

**SUSAH HATI**  
Negeri Sembilan

## Jawapan

**P**ENJLAKAN adik menerima jawatan di tempat kerja ternyata mengeruhkan perhubungan dengan majikan. Perhubungan baik bertukar kepada dingin. Majikan seperti sudah tidak ambil peduli.

**Sifat cerewet majikan sering kali membuat pekerja tidak selesa. Hasil kerja pula tidak seperti diharapkan manakala kesilapan kecil sekalipun adalah masalah besar.**

Tindakan majikan bukanlah luar biasa, tetapi tidak bersifat profesional. Apabila adik tidak menerima tawaran jawatan, mungkin pelbagai persoalan boleh timbul di fikiran majikan.

Antaranya majikan mungkin rasa tidak disukai atau tidak cukup baik dari segi menjalankan tugas hingga adik tidak berminat menerima tawaran jawatan berkenaan. Pemikiran begini mungkin wujud hingga memberi kesan perhubungan adik berdua.

Bermula dari sifat tidak profesional ini, akan wujud masalah lain seperti komunikasi, perubahan sikap

dan masalah di tempat kerja.

Lebih membimbangkan, majikan cuba mengelak dari berjumpa dan cuba mencari kesalahan adik.

Jika berlarutan, kedua-dua pihak tidak akan selesa di tempat kerja. Sesuatu perlu dilakukan untuk menjadikan suasana di tempat kerja aman.

Untuk mengelak suasana kurang sihat, komunikasi jelas perlu. Adik boleh bertanya secara berhemah kepada majikan mengenai apa yang berlaku.

Sifat cerewet majikan sering kali membuat pekerja tidak selesa. Hasil kerja pula tidak seperti diharapkan manakala kesilapan kecil sekalipun adalah masalah besar.

Hingga akhirnya timbul beberapa sistem silih berganti bertujuan supaya tidak timbul lagi kesilapan berkenaan pada masa depan.

Jika begitu sikap majikan, pekerja takut melakukan kesilapan. Pekerja yang inovatif dan kreatif akan

meninggalkan syarikat kerana tidak diberi ruang mengembangkan bakat.

Persoalan sama ada patut berhenti atau tidak, perlu berbincang dengan suami. Seterusnya bertanya kepada diri sendiri adakah ingin berhenti kerja semata-mata kerana ingin lari dari masalah di tempat kerja?

Jika ya, tentu merugikan. Apa yang lebih penting ialah menyelesaikan masalah di tempat kerja, bukannya berhenti. Adik perlu mempunyai keberanian untuk berbincang dengan majikan mengenai perhubungan yang bertukar arah ini.

Jika berhenti kerja, adik bimbang akan menghadapi masalah kewangan. Suami tidak bergaji besar dan akan wujud masalah membabitkan kesejahteraan hidup dan rumah tangga adik.

Pilihan yang dibuat sebaiknya akan memberi lebih kebaikan daripada aspek kehidupan.